



**IKLAN PENGAMBILAN GURU INTERIM TAHFIZ DAN GURU INTERIM DINI  
DI SEKOLAH MENENGAH KPM AMBILAN TAHUN 2017**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk menjadi Guru Interim Tahfiz dan Guru Interim Dini bagi mengisi kekosongan di sekolah menengah KPMambilan tahun 2017.

**1. KETERANGAN PROGRAM**

- 1.1. Tajuk: Pengambilan Guru Interim Tahfiz dan Guru Interim Dini di sekolah menengah KPMambilan tahun 2017.
- 1.2. Nama Jawatan: Guru Interim Tahfiz/ Guru Interim Dini.
- 1.3. Tempoh Interim: Sehingga tamat latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan akan dilantik tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Sekiranya berjaya dalam temu duga, perkhidmatan sebagai Guru Interim akan tamat secara automatik pada tarikh kuasa pelantikan tetap. Sekiranya tidak berjaya mengikuti latihan KDC kerana tidak memenuhi syarat kemasukan, gagal menyempurnakan latihan KDC, gagal dalam temu duga, tidak hadir temu duga atau hadir tetapi tidak ditemu duga lantikan tetap oleh pihak SPP, perkhidmatan sebagai Guru Interim akan ditamatkan dengan sebulan notis.

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ASAS

Calon-calon hendaklah:

- 2.1. Warganegara Malaysia;
- 2.2. Sihat tubuh badan;
- 2.3. Umur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2017;
- 2.4. Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya Lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau Pendidikan Islam atau Pengajian Bahasa Arab atau Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat atau bidang-bidang yang berkaitan yang setaraf dengannya daripada Universiti Awam (UA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan atau universiti luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- 2.5. Calon Guru Interim Tahfiz disyaratkan memiliki Diploma Tahfiz atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang diiktiraf oleh Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- 2.6. Bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat dikecualikan daripada syarat pada para 2.5;
- 2.7. Memperoleh salinan cetakan pengiktirafan kelayakan secara dalam talian dan bertepatan dalam tempoh pengiktirafan sekiranya memiliki ijazah atau diploma daripada UA atau IPTS tempatan dengan merujuk kepada laman sesawang Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di alamat **<http://app.mohe.gov.my/iktiraf/>**, atau memperoleh surat pengiktirafan ijazah daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara bertulis atas nama calon (bukan cetakan secara atas talian) sekiranya memiliki ijazah daripada universiti luar negara; dan
- 2.8. Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

### **3. MAKLUMAT JAWATAN**

- 3.1. Jawatan/ Gred: Guru Interim Tahfiz/ Guru Interim Dini Gred DC41.
- 3.2. Bayaran Elaun Bulanan: RM 2,149.03 bagi ijazah Kepujian; atau RM 1,944.62 bagi ijazah Am.
- 3.3. Elaun Tetap dan Kemudahan yang dinyatakan di bawah ini mengikut syarat dan kadar yang sedang berkuat kuasa seperti berikut bagi yang layak:
  - 3.3.1. Imbuan Tetap Khidmat Awam berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006;
  - 3.3.2. Bantuan Sara Hidup berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012;
  - 3.3.3. Bayaran Insentif Pedalaman berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000 atau Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 1 Tahun 2016 (sekiranya berkhidmat di sekolah pedalaman);
  - 3.3.4. Elaun Balik Kampung berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 6 Tahun 2014 (sekiranya berkhidmat di sekolah pedalaman);
  - 3.3.5. Elaun dan kemudahan bagi pegawai yang bertugas rasmi di luar kawasan ibu pejabat berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4/2013;
  - 3.3.6. Elaun Perumahan Wilayah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (pindaan kadar); dan

3.3.7. Bayaran Insentif Wilayah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 (pindaan kadar).

3.4. Kemudahan lain:

3.4.1. Cuti Sakit di bawah Perintah Am 17 Bab C;

3.4.2. Cuti Penggal Sekolah Bergaji Penuh; dan

3.4.3. Rawatan perubatan dan pergigian, kelayakan dan wad di Hospital dan Klinik-klinik Kerajaan untuk diri sendiri sahaja tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

3.5. Elaun & Kemudahan yang tidak layak diperolehi:

3.5.1. Imbuhan Tetap Perumahan;

3.5.2. Rawatan perubatan di luar negeri;

3.5.3. Pinjaman perumahan/ kenderaan/ komputer;

3.5.4. Cuti separuh gaji;

3.5.5. Cuti tanpa gaji;

3.5.6. Cuti bersalin;

3.5.7. Cuti belajar;

3.5.8. Cuti kecederaan;

3.5.9. Cuti kerantina;

3.5.10. Cuti Tibi, Kusta dan Barah;

3.5.11. Cuti tanpa rekod; dan

3.5.12. Cuti haji.

#### **4. CALON TIDAK LAYAK MEMOHON**

4.1. Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan termasuk yang sedang mengikuti Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) Secara Mod Latihan

Perguruan KDC atau Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) kelolaan KPM.

- 4.2. Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut.
- 4.3. Calon yang diisytiharkan bankrap.
- 4.4. Calon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan atau latihan.
- 4.5. Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPG, KPM tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
- 4.6. Calon yang pernah meletak jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan.
- 4.7. Calon yang pernah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah atau jenayah.
- 4.8. Calon yang berada dalam senarai peminjam tegar seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

## 5. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian dengan melayari laman sesawang Kementerian Sumber Manusia (KSM) di alamat: <http://www.jobsmalaysia.gov.my/> mulai **16 Mei 2017**.
- 5.2. Pemohon juga boleh memuat turun senarai semak dokumen temu duga bagi permohonan ke jawatan Guru Interim Tahfiz dan Guru Interim Dini dengan melayari laman sesawang yang sama.
- 5.3. Borang tersebut boleh dikemas kini pada bila-bila masa sahaja dan hendaklah dihantar sebelum tarikh tutup permohonan.
- 5.4. Calon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran

dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh perkhidmatan.

## **6. MAKLUMAN DAN PERHATIAN**

- 6.1. Pemohon hendaklah menghantar dokumen yang lengkap ke Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang berdekatan, manakala bagi pemohon daripada Sabah dan Sarawak boleh kemukakan dokumen tersebut ke Pejabat Pendidikan Daerah yang berdekatan **sebelum atau pada 8 Jun 2017**.
- 6.2. Hanya pemohon yang menghantar dokumen lengkap akan dipertimbangkan untuk sesi temu duga.
- 6.3. Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan secara e-mel dan calon dikehendaki membawa salinan cetakan e-mel semasa temu duga.
- 6.4. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Agensi Kerajaan atau badan berkanun (bukan berjawatan tetap) dikehendaki membawa surat kebenaran dan salinan kenyataan rekod perkhidmatan daripada Ketua Jabatan semasa temu duga.
- 6.5. Permohonan yang berjaya ditawarkan tempat, hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat kontrak perjanjian serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa untuk berkhidmat di mana-mana sekolah seperti yang diarahkan oleh pihak Kerajaan.
- 6.6. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumat selepas **31 Oktober 2017** adalah dianggap tidak berjaya. KPM tidak akan mengeluarkan makluman secara bersurat kepada pemohon.

**7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**5 JUN 2017 (ISNIN), SEBELUM JAM : 11.59 MALAM**

**8. ALAMAT BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM, KPM**

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS BAWAH & 2, NO 2251  
BANGUNAN MUSTAPHA KAMAL  
JALAN USAHAWAN 1, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN  
(u.p. : Sektor Kemajuan Sekolah Agama)  
No. Telefon : 03-83217330/7336/7346/7317/7343/7277/7366  
E-mel : bpi.kpm@moe.gov.my**

Sekiranya mengalami masalah teknikal semasa membuat permohonan secara atas talian di laman sesawang terhadap penggunaan portal *JobsMalaysia*, sila hubungi no. tel.: **03-83202713/4/5** atau e-mel: **jobsmalaysia@mohr.gov.my**